

# Tular: jangan ditipu dan menipu

UM - 8/2/19 (M/S. 10)

**D**ALAM zaman teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), dunia jadi makin sempit. Apa yang berlaku beribu batu jauhnya dari kita di Malaysia, sampai juga ke pengetahuan kita dalam masa yang singkat. Inilah yang disebut dunia tanpa sempadan.

Malangnya kecepatan mendapatkan maklumat yang boleh terhasil di hujung jari, sering disalahguna. Contohnya: dalam bab halal. Bagi orang Islam, bab halal haram makanan ini amat sensitif.

Pantang dapat maklumat atau tips tentang kedai atau premis yang menyajikan makanan tidak halal atau desas desus sijil halal syarikat tertentu ditarik balik oleh Bahagian Hab Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) macam peluru ia disebar dan ditularkan.

Bab kesahihan maklumat sering diabaikan. Walhal Allah SWT memberi peringatan yang bermaksud: *Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka tabayyun (selidikilah untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - Dengan sebab kejahatan kamu (mengenalinya)-sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.* (al-Hujurat: 6)

Antara post terkini mengenai isu halal adalah pada 5 Februari lalu di bawah tajuk 'Isu Tular Ayam Yang Disangka Tidak Disembelih'.

Merujuk kepada isu tular



ini, pengadu telah datang ke Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (JHEAT) pada petang 4 Februari 2019 selepas membuat laporan di balai polis Manir, Terengganu. Setelah diperiksa oleh pegawai JHEAT, ayam tersebut disahkan sempurna syarat sembelihannya.

Selain tidak benar, berita itu sebenarnya adalah kes lama yang diulang siar. Hal itu ditegaskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Terengganu yang mengesahkan ia berita setahun yang lalu.

Bukankah kita sudah ditipu dan kemudiannya menipu apabila memanjangkan mesej tersebut kepada orang lain.

Perbuatan ini bukan sahaja memberi imej negatif kepada Jakim dan agensi berkaitan seolah-olah tidak menjalankan tugas mereka. Selain itu ia juga menimbulkan kebingungan umat Islam umumnya.

Bab makan minum bukan soal kecil kerana ia menjadi darah daging. Ini dijelaskan menerusi sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: *Setiap daging yang tumbuh dari bahan makanan yang haram maka api nerakalah yang lebih layak baginya.* (Riwayat al-Tirmidzi)

Internet dan laman sosial yang bebas tanpa kawalan, bukan semua maklumatnya benar. Ada yang bersifat fitnah, spekulasi, sensasi dan



Bahagian Hab Halal, JAKIM

@HalalJakim

Home  
Reviews  
Photos  
Videos  
Posts  
Events  
About  
Community  
Info and Ads

Create a Page

**TANGKAP** layar penjelasan Bahagian Hab Halal Jakim mengenai isu ayam disangka tidak disembelih di Terengganu, baru-baru ini.

andaian. Yang penting apa sikap kita apabila mendapat maklumat sebegini?

Adakah kita akan mempercayainya terus tanpa usul periksa. Malah lebih teruk daripada itu, mungkin kita pula yang akan menyebarkannya kepada rakan-rakan yang lain, lantas menjadi ejen penyebar berita, kononnya menjadi orang pertama mendapat berita dan menyebarkannya.

Pada 2 Februari lalu, Jakim sekali lagi menjadi perhatian ekoran aduan oleh pembaca dalam ruangan *Forum Utusan Malaysia* bertajuk *Halal:*



Bahagian Hab Halal, JAKIM shared a post  
February 5 at 9:20 PM ·  
Penjelasan Isu Tular Ayam yang Disangka Tidak Disembelih  
"Setelah diperiksa oleh pegawai kami, ayam tersebut disahkan sempurna syarat sembelihannya." -Bahagian Pengurusan Halal JHEAT  
#YakinHalalMalaysia  
#SemakSebelumSebar  
"Ikuti penjelasan lanjut di Facebook Bahagian Pengurusan Halal JHEAT  
See Translation

Lame ning duk tgk je dlm fb org post ayam x smbelih... lening kt kole brang plok weh... sumber dr group wasap....



*Jakim 'lembik'?*

Alhamdulillah, Jakim tidak melatah sebaliknya menjawab dengan fakta disiarkan akhbar ini pada 5 Februari 2019.

Antara inti utama penjelasan itu adalah sehingga hari ini, terdapat 67 jawapan isu semasa yang tular dimuat naik di laman Facebook Bahagian Hab Halal iaitu [www.facebook.com/HabHalalJakim/](http://www.facebook.com/HabHalalJakim/) yang boleh menjadi rujukan pengguna sebagai sumber yang sah.

Malah sejak 2016, Jakim melalui Bahagian Hab Halal turut membangunkan laman Facebook Bahagian Hab Halal

Jakim di samping akaun Twitter serta Instagram.

Ia adalah medium penyebaran maklumat serta menyediakan tempat rujukan kepada setiap isu yang tular dalam media sosial.

Jakim turut menubuhkan pasukan petugas khas halal yang diberi tanggungjawab menjawab setiap persoalan pengguna berkaitan isu halal dengan sasaran maklum balas disediakan dalam tempoh empat jam penuliran bermula

Ini bukan bermakna tidak boleh mengadu atau melapor kepada Jakim jika ada keraguan tentang status halal. Yang terbaik, semak dahulu melalui Facebook yang disediakan.

Bukannya ditular sewenang-wenangnya sebelum semakan dibuat. Melapor dan menularkan adalah perkara berbeza. Selalunya masyarakat lebih suka menular terlebih dahulu baru membuat semakan.

Bagi yang menyebarkan cerita mungkin berkata, "Saya hanya sebarkan saja. Berita itu bukan saya reka. Kalau betul, maka betullah, kalau palsu, bukan tanggungjawab saya". Ungkapan sedemikian adalah sikap yang tidak bertanggungjawab.

Sebenarnya, ada hadis yang melarang perbuatan menyebarkan semua perkara yang didengar ini. Orang seperti ini boleh dianggap jatuh dalam kumpulan atau kategori seorang penipu.

Ia berdasarkan hadis daripada Abu Hurairah r.a bahawa Nabi SAW bersabda: *"Cukuplah bagi seseorang itu mendapat dosa sekiranya dia menceritakan kembali semua yang didengarinya (tanpa tapisan)".* (Riwayat Muslim)